

TINJAUAN TAHAP KOMPETENSI BERTUTUR BAHASA ARAB BAGI UJIAN KEMASUKAN KE USIM

Zalika Adam ⁱ & Wan Azura binti Wan Ahmad ⁱⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden). Pensyarah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. zalika@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. wanazura@usim.edu.my

Abstrak

Bahasa Arab merupakan syarat kemasukan ke Universiti Sains Islam Malaysia, memandangkan para pelajar yang memasuki Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terdiri daripada pelajar lepasan sekolah menengah agama sama ada melalui SPM, STAM, STPM, Diploma atau Matrikulasi. Mereka mengambil mata pelajaran bahasa Arab di semua peringkat tersebut. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai tahap kompetensi mereka setelah mempelajari bahasa Arab di peringkat sekolah menengah selama 5 atau 6 tahun. Hal ini adalah penting bagi memastikan tahap penguasaan pelajar berada pada tahap sederhana atau tinggi untuk memudahkan pembelajaran di peringkat universiti. Para pelajar di USIM perlu mengambil bahasa Arab tanpa mengira jurusan, contohnya, pelajar dalam jurusan Sains, akan mengambil subjek Bahasa Arab untuk Sains, pelajar dalam jurusan Sains Sosial seperti dalam bidang Ekonomi dan Kepimpinan perlu mengambil subjek Bahasa Arab untuk Sains Sosial. Kajian ini menggunakan kaedah temuduga yang melibatkan 5 orang responden terdiri daripada pelajar USIM yang pernah mengambil peperiksaan kelayakan Bahasa Arab. Hasil dapatan kajian dianalisa menggunakan perisian Atlast Ti. Dapatan kajian mendapati bahawa para pelajar kurang mempunyai perbendaharaan kata, kurang berkeyakinan ketika bertutur, masih mempunyai kelemahan dalam penggunaan kata nama dan kata kerja yang bersesuaian secara spontan, tambahan motivasi untuk berkomunikasi yang kian menurun.

Kata kunci: Bahasa Arab, Tahap Kompetensi

INTRODUCTION

Bahasa Arab adalah salah satu syarat umum kemasukan ke Universiti Sains Islam Malaysia selain daripada beberapa syarat am yang lain seperti mencapai tahap kepujian

(kredit) dalam subjek Syariah Islam atau Pengajian Islam, memiliki sekurang-kurangnya tahap 1 (band 1) dalam *Malaysian University English Test* (MUET) mengikut tempoh sah laku tarikh permohonan dan juga beberapa syarat khas lain berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh fakulti. Oleh sebab itu, semua pelajar yang melanjutkan pengajian ke USIM berlatarbelakangkan sekolah agama. Hal ini berbeza dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang boleh menerima pelajar non-muslim dan bukan dari sekolah agama. Mereka akan mempelajari bahasa Arab di Pusat Bahasa UIAM setelah ujian tahap bahasa dijalankan.

Bagi pelajar yang berjaya mendapat surat tawaran melanjutkan pengajian ke USIM, mereka akan memasuki satu ujian tahap kemahiran bahasa Arab, bertujuan untuk mengetahui tahap penguasaan dan menentukan tahap yang perlu diduduki sebelum menamatkan pengajian selama empat tahun di semua fakulti dan 6 tahun bagi pengkhususan Perubatan.

Pada tahun 2019, USIM mengorak langkah ke hadapan dalam penialain Bahasa Arab dengan menjalinkan kerjasama bersama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) bagi menjalankan ujian bahasa Arab yang dikenali sebagai "Imtihan Al-Kafaah Li Al-Lughah Al-Arabiyyah (IKLA)". Sebelum ini, pihak Unit Pusat Bahasa, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM yang mengendalikan peperiksaan tersebut.

Dalam peperiksaan IKLA, pelajar diuji dengan 4 kemahiran iaitu, membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Semua pelajar tanpa mengira bidang pengkhususan wajib mengambil ujian ini. Pelajar yang berlatarbelakangkan sekolah agama jelas dapat dilihat pencapaian yang diperoleh melalui ujian ini sama ada sederhana atau cemerlang. Hanya segelintir pelajar sahaja yang membuktikan kemahiran bertutur yang dicapai. Kajian yang dijalankan oleh Abdullah et.al (2017) membuktikan punca kebimbangan dalam bertutur yang dialami oleh guru pelatih bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam ketika mempelajari kemahiran bertutur ialah disebabkan oleh tahap penguasaan bertutur yang rendah.

Antara faktor lain yang menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam bertutur ialah wujudnya perasaan negatif dalam diri pelajar sendiri seperti malu untuk bercakap, tidak yakin dan sebagainya yang berkemungkinan akan dipandang negatif oleh rakan atau ditertawakan (Ab. Halim, 2009). Keadaan ini menyebabkan pelajar semakin takut untuk mengambil bahagian dalam aktiviti bertutur dalam sesi

pembelajaran. Hal ini juga turut menyumbang kepada motivasi dan psikologi bertutur bahasa Arab dengan baik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ringkas ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menemuduga 5 orang calon yang pernah menduduki “Imtihan Al-Kafaah Li Al-Lughah Al-Arabiyyah (IKLA)”. Hasil dapatan kajian menggunakan perisian Atlas ti, mengeluarkan beberapa tema hasil dapatan kajian yang dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menunjukkan beberapa dapatan iaitu:

1- Kurang perbendaharaan kata

Berdasarkan ujian yang dijalankan, pemeriksa membuat kesimpulan bahawa 80% pelajar kurang perbendaharaan kata. Hal ini jelas apabila pelajar tidak mampu bertutur dengan baik. Terdapat dalam kalangan calon yang berdiam diri tanpa membuka mulut sepanjang sesi ujian bertutur dijalankan.

2- Kurang keyakinan ketika bertutur

Calon ujian bertutur tidak mempunyai keyakinan ketika bertutur. Jelas terbukti apabila calon teragak-agak ketika menjawab soalan ujian yang dikemukakan.

3- Kelemahan dalam penggunaan kata nama dan kata kerja yang sesuai secara spontan

Calon ujian bertutur menunjukkan kelemahan mereka ketika bertutur apabila mereka tidak mampu menyusun ayat dengan menggunakan frasa nama dan frasa kerja yang sesuai secara spontan. Hal ini disebabkan oleh kurangnya latihan yang berterusan di peringkat sekolah lagi.

4- Tiada motivasi untuk bertutur

Calon ujian bertutur tidak mempunyai motivasi yang tinggi. Hal ini jelas kelihatan apabila calon tidak mampu menjawab soalan yang diajukan. Terdapat dalam kalangan mereka yang hanya menuturkan sepatah dua kata sahaja.

5. Tidak memahami perkataan-perkataan atau istilah khusus dalam sesuatu isu atau bidang yang dibincangkan

Calon bertutur tidak memahami istilah khusus misalnya takaful kesihatan atau *medical card* apabila membincangkan isu kesihatan, pendapatan individu (*addakhl af-fard*) ketika membicarakan soal ekonomi dan taraf kehidupan dan sebagainya.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ringkas yang dinyatakan dapat disimpulkan bahawa pelajar bukan penutur jati bahasa Arab masih mempunyai banyak kelemahan dalam ujian IKLA yang dijalankan. Walaupun pelajar berlatarbelakangkan sekolah agama, namun pencapaian mereka adalah masih ditahap yang membimbangkan. Pelbagai usaha perlu dijalankan bagi meningkatkan kompetensi pelajar sebelum menduduki ujian IKLA antaranya ialah membuat latihan sendiri dalam pertuturan bahasa Arab, mewujudkan suasana bahasa Arab yang kondusif untuk meningkatkan motivasi bertutur dan membiasakan mereka mendengar bahan berbentuk berita dan siaran radio berbahasa Arab.

RUJUKAN

- Ab. Halim, M. (2009). *Tahap Komunikasi dalam Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab di IPTA Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education, 1(1), 1–14
- Abdullah Hamzah et.al. (2017). Mengapa Guru Pelatih Bimbang untuk bertutur dalam kelas Bahasa Arab?, Jurnal Kemanusiaan UITM 15, ms1-6.
- Abd Rahman, Ghazali Yusri (2012) *Penilaian Kemahiran Lisan Dalam Kukurikulum Bahasa Arab Di Universiti Teknologi Mara (UITM)*. Phd Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- H. Abdul Munip. (2017). *Penilaian Pembelajaran Bahasa Arab*, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia.
- <https://www.usim.edu.my/files/admission/syarat-sarjanamuda/5/#zoom=z> Syarat Kemasukan Am dan Khusus USIM, capaian 14 Nov 2022.

<https://upuonline.net/syarat-kemasukan-uiaam/> Syarat Kemasukan Am dan Khusus UIAM, capaian 14 Nov 2022.